

28/12/1998

Detik manis dunia seni tampak

Jamudin Idris

KEJAYAAN Kow Leong Kiang mengukir nama negara apabila memenangi hadiah utama Anugerah Seni Lukis Kumpulan Philip Morris dan pemilihan pelukis ternama negara, Redza Piyadasa menerima Anugerah Putera Claus adalah detik manis dunia seni tampak Malaysia bagi orang perseorangan sepanjang 1998.

Kumpulan Atelier dari Sarawak yang memperjuangkan tekstil Pua Kumbu pula turut mengukir nama negara apabila memenangi Hadiah Kraf Unesco 1998 bagi rantau Asia Pasifik dan Perhimpunan Majlis Kraf Dunia yang diadakan di Amman, Jordan, Oktober lalu.

Pameran Rupa Malaysia yang diadakan di kota London dan pameran Gema yang disertai pelukis muda di Republik Czech melengkapkan lagi bahawa seni tampak Malaysia setanding dengan negara yang sudah maju dalam bidang seni itu.

Tidak cukup dengan karya, prasarana untuknya boleh dianggap cukup baik. Pembinaan Balai Seni Lukis Negara (BSLN) yang baru dan pembukaan Galeri Petronas di Menara Kembar Kuala Lumpur (KLCC) membuktikan keprihatinan kerajaan dan korporat pada bidang seni yang semakin ramai peminatnya.

Untuk hadiah Philip Morris, Malaysia terpaksa menunggu hingga tahun kelima untuk mengecap kemanisan daripada `pertandingan itu dan pelukis dari Petaling Jaya, Kow Leong membuktikan kemampuannya untuk meraih hadiah wang tunai AS\$10,000 (RM38,000).

Pertandingan yang disertai 38 pelukis terbilang dari Asean tidak boleh dianggap enteng dan Kow Leong mengambil inspirasi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed yang hebat mengkritik spekulator asing yang memuflikkan negara menjadi mesej pada karyanya bertajuk "Mr Foreign Speculator, Stop Damaging Our Country"!

Pemilihan Piyadasa juga begitu manis kerana beliau menjadi seniman pertama negara ini yang menerima anugerah prestij bertaraf antarabangsa dari Kerajaan Belanda.

Beliau yang namanya dicalonkan BSLN sebenarnya terpaksa bersaing dengan khabarnya 150 seniman, pelukis dan pengkritik seni rupa dari seluruh dunia tetapi 13 yang dipilih dan Piyadasa adalah salah seorang daripadanya.

Piyadasa menjadi tokoh teori dan pengamal seni rupa. Pada dekad 1960-an dan 1970-an, beliau berjaya memenuhi vakum apabila dengan seriusnya memperdebatkan isu dan subjek sejarah seni dan kritikan.

Dengan pemilihan itu, beliau meraih AS\$20,000 (RM76,000).

Di segi pameran pula, pameran Rupa Malaysia seni sedekad 1987-1997 yang diadakan di Brunei Gallery, School of Oriental and African Studies, London University pada 10 Mac hingga 31 Mei berjaya membuka mata masyarakat dunia mengenai perkembangan seni itu.

Dengan kehadiran kira-kira 12,000 pengunjung pada pameran yang diadakan sempena forum Asia-Eropah, ia berjaya mengenengahkan karya seni tampak moden Malaysia yang berteraskan identiti warisan budaya negara ini.

Pameran yang dirasmikan isteri Perdana Menteri, Datin Seri Siti Hasmah Mohd Ali mempamerkan 47 karya yang dihasilkan 43 pelukis sepanjang dekad 1987-1997. Hasil karya merangkumi seni catan, arca, cetak, lukisan dan foto.

Secara keseluruhannya karya itu adalah dari Himpunan Tetap BSLN dan selebihnya dari koleksi peribadi pelukis sendiri. Pameran dibahagikan kepada tiga pecahan tema iaitu pendekatan seni moden, definisi nasiolisma dan penerokaan identiti.

Pameran di Republik Czech lebih ke arah memperkenalkan bentuk seni

kontemporari pelukis muda Malaysia kepada masyarakat Eropah. Ini kerana Prague, dikenali sebagai "Paris" bagi negara Eropah Sosialis di situ.

Pameran yang diadakan mulai 19 Mei dan mendapat pembiayaan Republik Czech disertai 15 pelukis muda dan karya mereka bertemakan isu sosial, kerohanian dan peribadi.

Banyak karya tiada makna jika tidak mempunyai prasarana khususnya balai pameran yang baik.

Bangunan baru BSLN memecah permasalahan itu kerana jika dibangunan lama, ia hanya boleh mengadakan satu pameran di dewan utama tetapi di bangunan baru ada tiga dewan pameran.

Tidak cukup dengan itu, satu auditorium disediakan untuk majlis perasmian dan acara lain berbanding di bangunan lama yang semua acara besar terpaksa dilakukan di dewan utama. Balai kini dalam proses mendekatkannya dengan pelukis dan pelawat.

Petronas, sebuah konglomerat tidak mahu terpinggir dengan kegiatan sosial dan galerinya boleh dianggap antara yang terbaik di Asia Tenggara dengan ruang pameran yang luas dan sesetengah ruang boleh dipindah.

Terletak di kawasan pusat beli-belah di tengah bandaraya, galeri ini dalam peringkat mempromosi bagi menarik orang ramai berkunjung ke situ.

Pameran di BSLN yang penting termasuk pameran "Seni Lukis Antarabangsa Negara Komanwel" yang menonjolkan karya seni yang bertunjangkan akar pribumi dalam erti kata kepekaan terhadap kebudayaan tradisional, kemasyarakatan dan penjajahan pada zaman penjajah.

Selain itu, ia cuba memaparkan secara benar kekayaan dan kepelbagaian serta gaya tersendiri seseorang pelukis dan persekitaran tempat berkarya.

Pameran Kontemporari Tekstil Malaysia yang diadakan mulai Ogos hingga Oktober bertujuan menonjol dan memperlihatkan kekayaan dan kepelbagaian warisan seni tekstil Malaysia.

Pameran sejarah Angkatan Pelukis Semalaysia pula berjaya mengumpul dan menampilkan semua ahli persatuan itu termasuk dari zaman Majlis Kesenian Melayu. Bahan yang dipamerkan termasuk gambar hitam putih, keratan akhbar, katalog, risalah dan peralatan melukis pelukis pelopor angkatan itu.

Acara lain termasuk Pameran Perolehan Terkini, Pertandingan Seni Lukis Kanak-kanak Antarabangsa Lidice 97, pameran Cetakan dan Gurisan dari Netherlands, pameran Philip Morris peringkat Malaysia dan ditutup dengan Pameran Antarabangsa Artis Asian (AIAE).

Cabaran yang menantikan BSLN pada tahun mendatang semakin besar kerana pencinta seni berilmu semakin bertambah. BSLN sudah siap untuk menyahut cabaran itu dan mahukan sokongan semua pihak untuk merealisasikan.

(END)